

Oleh Ibrahim Wahab

UMNO telah hancur lebur seperti burung *Umitologi Phoenix* selepas hidup berkurun - kurun, membakar dirinya sendiri hingga menjadi abu. Selepas itu, ia hidup kembali dengan sifat - sifat yang lebih gagah.

Kini UMNO memasuki era baru. Dengan rombakan sistem pentadbiran yang ada dan menggunakan cara baru dan sofistikated seperti menggunakan komputer, ia akan menjadi satu organisasi yang terkuat. Ketika itu kelak, untuk memiliki kad keahlian sahaja, pemilik akan merasa megah memilikinya dan menganggapnya sesuatu yang sangat berharga.

Dengan cara ini juga keanggotaannya, bukan sahaja setakat 1.4 juta bahkan akan berlipat ganda dan setanding dengan pertubuhan politik negara - negara yang mempunyai penduduk ratusan juta daripada segi kecekapan dan kelicinan pentadbirannya.

Potensinya sebagai satu kuasa politik dan ekonomi sungguh luas.

Dengan selesainya masalah dengan Pendaftar Pertubuhan sekarang ini, Datuk Sri Dr.

Mahathir kembali memegang teraju pemerintahan dengan lebih selesa lagi jika dibandingkan masa - masa sebelumnya.

Saya pernah menulis mengenai cara Datuk Sri Dr. Mahathir menyelesaikan isu - isu. Nyatalah bahawa beliau lebih cerdas ketika dicabar.

Sungguhpun begitu, apabilan Tunku Abdul Rahman berkata, 'kita lihat dulu' ke mana UMNO (baru) akan dibawa oleh Datuk Sri Dr. Mahathir beliau mempersoalkan lagi kecekapan dan kebolehan Perdana Menteri mentadbirkan negara ke arah matlamat yang digariskan sendiri oleh Datuk Sri Dr. Mahathir.

Kontroversial

Entah mengapa sungguh ramai yang telah menulis buku atau rencana serta menganalisa, menegur, mengecam atau memuji Perdana Menteri kita seorang ini jika dibandingkan dengan pemimpin - pemimpin yang lepas. Ada yang menyifatkannya sebagai pragmatik, diktator, "escape artist" dan bermacam lagi. Apa juga tujuan mereka, hakikatnya ialah Datuk Sri Dr. Mahathir ialah seorang pemimpin yang kontroversial kerana sikap dan sifatnya. Kepada ramai kadangkala kenyataan - kenyataan mengelirukan sungguhpun beliau sendiri menafikannya.



MAHATHIR LEBIH CERDAS BILA KEPIMPINANNYA DICABAR

UM 22 FEB 1988

pemikiran rakyat. Bahkan ditentang.

Dari dahulu lagi, rakyat digesa supaya lebih produktif, lebih rajin, lebih berjimat, lebih berlumba - lumba untuk maju, rajin belajar dan lain - lain. Gesaan demi gesaan.

Sungguhpun rakyat jelata terpaksa berbuat semua ini akibat daripada kemelesetan ekonomi, tetapi dasar - dasar kerajaan serta pewujudan institusi - institusi tertentulah yang meyakinkan rakyat supaya berlumba - lumba untuk maju.

Dasar liberal memberi lesen menjual dan membuka gerai kecil - kecilan dan mewujudkan pasar - pasar tani adalah contoh yang jelas. Bahkan apabila kawasan Angkasapuri dibuka untuk pesta Minggu Penerangan, ada penjual yang mendapat untung bersih \$16,000 seminggu, hanya dengan menjual minuman.

Inilah golongan rakyat yang mula mengetahui 'kuasa' berniaga dan mula pula pandai 'menilai' wang seperti hajat Datuk Sri Dr. Mahathir untuk menjadikan masyarakat kita 'a monetised society'.

Dalam bidang ekonomi, tahun 1985 patutlah dijadikan titik permulaan ke arah membina haluan baru negara. Pada tahun itu pertumbuhan ekonomi kita -1.5%

Gabenor Bank Negara Korea Selatan ketika berceramah di Kuala Lumpur tidak lama dulu

Katanya, 'saya menjelajah ke seluruh negara untuk memberi penjelasan. Semua orang faham. Tiada yang menyoal.'

Kepada beliau adalah logik jikalau tidak ada soalan dan pertanyaan, mereka faham.

Soal kepimpinan dan soal stail seseorang pemimpin memang banyak dijadikan kajian para cendekiawan semenjak zaman berzaman.

Menurut satu kumpulan kajian mengenai kepimpinan yang dibukukan oleh Bernard, M. Bass yang bertajuk *Stogdill's Handbook of Leadership*, sifat - sifat kepimpinan ini terdapat juga dalam cerita - cerita Plato, Ceaser, Plutarch, Klasik China dan Mesir. Ramai menyelidik kesan daya kepimpinan serta menganalisa konsep kepimpinan ini.

Dalam tamadun Greek, empat sifat pemimpin telah dikesan. Pertama ialah adil dan bertimbang rasa. Kedua, bijaksana dan pengaman. Ketiga, pintar dan licin dan keempat, gagah perkasa.

Kepimpinan juga telah dicontohi dalam buku Machiavelli *'The Prince'*.

Menurut kajian Smith dan Krueger (1933), sifat kepimpinan wujud dalam semua kumpulan manusia tanpa mengira corak atau norma hidup dan kebudayaan. Beliau telah mengkaji sifat - sifat pemimpin dan masyarakat primitif di Australia, Fiji, New Guinea dan Congo.

Katanya, teretusnya sifat - sifat pemimpin itu bermula apabila seseorang itu menjadi bapa.

Menarik perhatian

J.M. Burns (1978) berpendapat lagi banyak kajian dibuat terhadap fenomena kepimpinan ini, sungguh sukar hendak memahaminya.

Yang menarik perhatian ialah menurut sebahagian besar kajian tersebut, wujudnya pemimpin ialah berkaitan dengan fungsi mereka kepada kehendak masyarakat yang dipimpin.

Di negara kita ini kepimpinan ialah corak negara yang diidamkan oleh seorang pemimpin, iaitu Datuk Sri Dr. Mahathir. Sebahagian besar dasar - dasar negara diilhamkan oleh beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir inginkan negara Malaysia ini menjadi negara yang maju dan cekap dalam segala bidang. Beliau inginkan negara ini satu negara yang bermaruah dan dihormati. Beliau inginkan rakyat yang berfikir dan praktikal dalam bertkata pandai berbuat apa jua mengikut kebolehan mereka. Beliau ingin rakyat bersefahaman ke arah bersatu padu.

Untuk seseorang pemimpin mencapai matlamat ini, beliau mestilah mempunyai keyakinan yang kuat terhadap dirinya dan kebolehannya, mempunyai motivasi yang unggul, matlamat yang jelas dan berstamina.

Beliau terlebih dahulu mesti meyakinkan para anggota kabinet serta penyokong - penyokongnya. Beliau inginkan penyokong - penyokong yang berkaliiber tinggi atau *'the first raters'*.

Beliau memerlukan ahli - ahli fikir dalam semua bidang terutama sekali dalam bidang sains untuk menghasilkan teknologi - teknologi tinggi agar Malaysia setanding atau melebihi kepakaran negara - negara lain.

Kursus - kursus serta seminar khusus untuk ini diadakan dengan menjemput pakar - pakar dan ahli fikir dari seluruh dunia. Beliau inginkan pengurusan *'zero defect'*.

Tembok yang menentang pelaksanaan cita - cita ini ialah tembok pemikiran. Selagi *'vision'* ini tidak difahami, ia tidak akan diterima oleh

menyatakan bahawa negaranya mengalami keadaan yang sama dua puluh tahun lalu.

Sekarang pertumbuhannya sama dengan Malaysia dalam tahun - tahun tujuh puluhan.

Nyatalah bahawa suasana akibat kemelesetan ini

sesuai agar idea - idea serta usaha - usaha baru dapat dilaksanakan. Begitu juga dasar - dasar baru. Sudah menjadi lumrah bahawa yang baru itu sukar diterima oleh masyarakat konservatif, tetapi keadaan memerlukan mereka menerimanya. Tentangan semestinya ada.

Datuk Sri Dr. Mahathir dari mula lagi menyatakan beliau menjadi Perdana Menteri bukan untuk mencari populariti. Tugasnya hanya *'the business of governing'*.

Dalam negara yang rakyatnya gelisah akibat kemelesetan ekonomi, ramai berpendapat kita memerlukan pemimpin yang tegas. Tetapi, apabila sekarang kita mempunyai pemimpin yang tegas, ramai yang kekok meherima *'brand'* kepemimpinan yang diberi oleh pemimpin itu.

Dalam negara yang rakyatnya gelisah akibat kemelesetan ekonomi, ramai berpendapat kita memerlukan pemimpin yang tegas. Tetapi, apabila sekarang kita mempunyai pemimpin yang tegas, ramai yang kekok menerima *'brand'* kepemimpinan yang diberi oleh pemimpin itu

Dulu, para pemimpin banyak berkompromi biarpun melibatkan prinsip dan menggadaikan maruah. Jikalau hendak Singapura, ambillah. Jikalau pelajar tidak belajar dan hanya giat dalam tunjuk perasaan biarlah.

Bila Akta Universiti dan Kolej dilaksanakan, masing - masing menganggap akan musnahlah kebebasan mereka. Dewasa ini masalah dadah telahpun dibawa ke pengetahuan dunia oleh Malaysia.

Najis dadah merupakan musuh negara pertama sekarang ini.

Semua undang - undang berkaitan dengannya bertujuan memulihkan belia yang majoritinya orang - orang Melayu dan penagih. Sungguhpun begitu masalah terpenting yang dihadapi oleh negara selepas merdeka ialah perpaduan.

Semua usaha telah dibuat dan semua teori telah dipraktikkan, tetapi beratus kelas perpaduan dan beratus pula majlis *'durian muhibah'* diadakan, kita masih memerlukan kempen perpaduan. Kempen cintakan bahasa diadakan di merata - rata tempat, semacam tidak cukup dengan kempen - kempen Hari Bahasa, Minggu Bahasa, Bulan Bahasa dan Tahun Bahasa.

Seketika dulu akhbar - akhbar yang tidak menyenangi semangat Bahasa Jiwa Bangsa

dibakar dan didedahkan dalam tunjuk - tunjuk perasaan.

Jikalau diimbas kembali, mereka yang tidak ingin dan tidak mengerti berbahasa Malaysia masih terus dengan pendirian mereka. Kita tidak nampak parti - parti politik yang menganjurkan kelas bahasa kebangsaan untuk ahli - ahlinya.

Baru - baru ini Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa rakyat keturunan Cina hendaklah memahami bahasa Malaysia kerana mereka tinggal di negara ini.

Ke arah perpaduan inilah Datuk Sri Dr. Mahathir menasihati supaya dipupuk unsur - unsur persamaan di antara kaum. Jangan sentuh sensitiviti satu sama lain.

Selain daripada itu, beliau mengemukakan dasar penerapan nilai - nilai universal. Beliau mahu rakyat sendiri membuat keputusan sama ada untuk menerimanya.

Sekarang ini, Datuk Mohamed Rahmat telah dikenalpasti sebagai penganjur utama usaha - usaha ke arah perpaduan. Ramai yang memandang serong motif beliau. Apabila Datuk Mat menyeru rakyat menyedari hakikat sejarah, ada yang mengheretnya ke mahkamah.

Untuk perpaduan, terutama sekali di antara Melayu dengan Melayu, contoh yang ditunjuk oleh Datuk Mohamed ramai memuji. Beliau meneruskan sahaja apa yang dirancangkannya tanpa memburuk - buruk atau membidas - bidas pihak atau orang lain.

Sementara itu, semenjak Datuk Pairin Kitingan memimpin Kerajaan Parti Bersatu Sabah, banyak cerita didengar mengenai kaum Kadazan kerana kebangkitan semangat mereka dan berjaya mengalahkan parti pemerintah.

Saya mempunyai ramai kawan kaum Kadazan. Tidak ada beza nampaknya daripada kawan - kawan yang lain.

Dalam lawatan saya ke Sabah baru - baru ini, kesempatan digunakan untuk berinteraksi dengan kaum ini dan sempat juga melawat Tambunan.

Saya tidak nampak perbezaan cara dan norma - norma hidup mereka dibandingkan dengan masyarakat Melayu di Semenanjung khususnya orang - orang di kampung saya sendiri. Mereka terbuka dan cepat mesra.

Sungguhpun begitu, apa yang nyata, seperti juga di Semenanjung disebabkan mereka mempunyai sikap yang lembut, mereka dieksploitasikan dan dipecah-belahkan.

Dalam buku 'The Nascent Malaysian Society' iaitu kumpulan kajian - kajian Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia (1976), ada menyebut 'constraints' terhadap perpaduan kaum di negara ini.

Satu daripada halangan ini ialah jumlah Melayu dengan bukan Melayu sama besar yang menyukarkan usaha - usaha ke arah integrasi kaum. Ini nyata jika dibandingkan dengan negara Thai dan Indonesia, di mana angka rakyat keturunan lain kecil.

Dengan hakikat ini, hanya konsep serta dasar yang universal boleh dijadikan asas perpaduan. Malaysia mempunyai hampir 40 suku kaum. Inilah keunikan Malaysia. Pemimpin yang berjaya menyatukan kesemua mereka ini akan dihargai oleh sejarah.

Datuk Sri Dr. Mahathir pernah berkata, jikalau kita tidur tidak sebantapapun, biarlah impian kita sama (ke arah perpaduan).

Dasar - dasar sudahpun ada. Masalah pelaksanaan hendaklah diperkuatkan dan setakat ini, Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri mengakui dasar-dasar ini tidak fahami atau disalahtafsirkan.

Dulu - dulu, setiap dasar disebar untuk diserapi dari peringkat teratas hinggalah ke peringkat

daerah dan kesannya dibawa balik ke atas untuk diumumkan. Apabila diisytiharkan keseluruhan jentera pelaksana sudah siap sedia.

Dulu - dulu para wakil media rasmi pernah dipanggil untuk berbincang oleh para pegawai Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan mengenai maksud dasar dan juga dasar - dasar kecil supaya ia senang hendak ditokok tambah (*elaborate*). Datuk Sulaiman Osman, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sekarang ini ialah antara mereka yang memberi banyak idea atas cara hendak menghebahkan sesuatu dasar. Selepas itu, pengumuman dan penjelasan dasar hanya dijadikan bidang kuasa khusus para menteri. Proses komunikasi serta 'memenangi hati dan pemikiran rakyat' mestilah diulang - ulang dan memakan masa.

Masyarakat dunia secara keseluruhannya tidak akan maju jikalau tidak diberi penerangan dan penjelasan secara benar mengenai hal ehwal politik, kejadian tempatan dan antarabangsa biarpun mengenai keadaan cuaca

Mengenai komunikasi, UNESCO menyatakan, masyarakat dunia secara keseluruhannya tidak akan maju jikalau tidak diberi penerangan dan penjelasan secara benar mengenai hal ehwal politik, kejadian tempatan dan antarabangsa biarpun mengenai keadaan cuaca.

'Produktiviti tinggi, tambah pengeluaran tanaman, meningkatkan mutu kerja dan semangat berlumba - lumba, peningkatan mutu kesihatan, mewujudkan suasana pemasaran yang baik, tidak akan ada tanpa komunikasi'. Jikalau usaha 'berkomunikasi' diberi haluan yang jelas mengikut perancangan dan *vision*' Datuk Sri Dr. Mahathir, masalah kurang faham akan berkurangan.

Benteng atau tembok - tembok pemikiran ini boleh ditembusi. Kepimpinan di bidang ini juga sangat diperlukan.

Mengenai kepemimpinan ini rakyat Mesir dahulu kala menyebut tiga sifat ketuhanan raja - raja mereka.

'Kuasa mutlak keluar daripada mulutmu, pengertian yang tajam di hatimu dan lidahmu makam keadilan.'